



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 13 TAHUN 2010**

---

**PINDAAN PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN  
PERDAGANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2005 - KEBERKESANAN  
PELAKSANAAN PIAGAM PELANGGAN**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 1 NOVEMBER 2010**

Semua KPP Ibu Pejabat  
Semua Pengarah Wilayah  
Urusetia Lembaga  
Urusetia Rayuan

## **PINDAAN PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2005 - KEBERKESANAN PELAKSANAAN PIAGAM PELANGGAN**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan arahan mengemukakan Laporan Pemantauan Piagam Pelanggan seperti ditetapkan Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bilangan 7 Tahun 2005.

### **LATAR BELAKANG**

2. Dalam usaha meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, LPKP telah menetapkan Piagam Pelanggan tempoh memproses permohonan lesen melalui Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bilangan 7 Tahun 2005.

### **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

3. LPKP telah melaksanakan MS ISO 9001:2000 mulai 15 Mac 2008 dan MS ISO 9001:2008 pada 15 Mac 2010. Selaras dengan keputusan mesyuarat

Kajian Semula Pengurusan Bil 1/2008 bertarikh 31 Januari 2008, LPKP bersetuju supaya **Laporan Pemantauan Piagam Pelanggan** hanya perlu dihantar ke Ibu Pejabat LPKP **satu (1) kali sebelum tahun semasa berakhir.**

4. Sehubungan itu, LPKP telah bersetuju untuk **membatalkan penguatkuasaan para 5 Pekeliling LPKP Bil. 7 Tahun 2005.**

### **TARIKH KUATKUASA**

5. Arahan pindaan para 5 Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bilangan 7 Tahun 2005 berkuatkuasa serta merta.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

**1 NOVEMBER 2010**

**Edaran Dalaman:**

Y.B. Datuk Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

**Sila tampal pekeliling ini  
pada papan kenyataan  
di pejabat LPKP Wilayah.**

KPPK (D)

KPP (L)

KPP (K)

PPK (A)

PP (R)

PUU

PRO